

# Bengkel Akhbar Dalam Darjah di UMS

BH 23.02.2012 2

**B**ERITA Harian dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Sabah akan mengadakan Bengkel Akhbar Dalam Darjah (ADD) 2012 di Dewan Recital Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, esok.

Pengarang Pendidikan Berita Harian, Muhammad Yusuf Abu Bakar, berkata bengkel yang julkali diadakan di Sabah itu bertujuan memberi pendedahan kepada guru cara untuk memanfaatkan akhbar dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam kelas.

Katanya, *Berita Harian* mempunyai empat sisipan khas pendidikan yang diterbitkan setiap Isnin hingga Khamis, iaitu *Didik* untuk murid sekolah rendah, manakala *Minda* dan *Skor* bagi sekolah menengah yang menyediakan ulang kaji subjek teras untuk calon peperiksaan itu.

Beliau berkata, akhbar diterbitkan sejak 1957 itu turut menerbitkan sisipan khusus untuk warga institusi pengajian tinggi (IPT), iaitu *Varsiti*.

“Sehubungan itu, menjadi matlamat kami untuk membantu gu-

ru memanfaatkan bahan berkenaan dalam P&P mereka dan bengkel itu diharap mendedahkan mereka cara untuk menggunakan bahan sedia ada dalam akhbar ini,” katanya.

Bengkel itu bakal disempurnakan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun.

Pelancaran ketiga-tiga sisipan itu yang kini turut disisipkan dalam *Berita Harian* untuk edisi Sabah dan Sarawak mula 9 Januari lalu, turut diadakan pada majlis itu.